

MADKHAL
PEMBANGUNAN KANDUNGAN

NAMA KURSUS/TOPIK

Fardu 'Ain

OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN:

- (a) Memperkuuh asas-asas agama Islam menerusi pendidikan fardu 'ain.
- (b) Menghuraikan tuntutan-tuntuan kewajipan ke atas setiap individu Muslim agar hukum-hakam asas yang bersifat fardu 'ain dapat dipraktikkan secara menyeluruh.
- (c) Mendorong kesungguhan dalam mengamalkan cara hidup agama Islam.

SESI PERTAMA: PENGENALAN KEPADA ASAS-ASAS PENGETAHUAN AGAMA BAGI SEORANG MUSLIM

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) **Pemahaman tentang fardu 'ain dan fardu kifayah:** Peserta akan mempelajari definisi kedua-dua istilah ini serta memahami perbezaan antara kedua-duanya.

- b) **Pemahaman tentang konsep mukallaf:** Peserta akan mengetahui pengertian mukallaf berserta kefahaman tentang baligh dan tandanya. Commented [H1]: berserta

- c) **Pengenalan kepada istilah munafik, musyrik, kafir dan murtad:** Peserta akan mempelajari maksud-maksud kepada istilah-istilah ini serta menghayati bagaimana caranya untuk menjadi Muslim dan mukmin yang sejati.

- d) **Pengenalan kepada hukum-hukum taklifi dan wadh'i:** Peserta akan mempelajari jenis-jenis hukum-hukum taklifi dan wadh'i yang disusun oleh para ulama Islam.

2. MASA KURSUS: 40 minit sahaja

3. ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN	SPEAKER
Pendahuluan	Membicarakan tentang keutamaan menuntut ilmu agama.	3 minit	Dato' Badli Shah Alauddin
Definisi Fardu 'Ain dan Fardu Kifayah	Menerangkan maksud fardu 'ain dan fardu kifayah.	3 minit	Dato' Setia Prof. Madya Dr. Anhar Opir
Perbezaan antara Fardu 'Ain dan Fardu	Menghuraikan perbezaan antara kedua-dua istilah ini.	3 minit	Dr. Syed Shahridzan Syed Mohamed

Kifayah			
Definisi dan Konsep Mukallaf	Menerangkan pengertian dan konsep mukallaf serta perincian tentang baligh.	5 minit	Dato' Setia Prof. Madya Dr. Anhar Opir
Maksud Munafik, Musyrik, Kafir dan Murtad	Mensyarahkan maksud: 1) Munafik. 2) Musyrik. 3) Kafir. 4) Murtad.	8 minit	Dato' Badli Shah Alauddin
Hukum Taklifi	Memperincikan pengertian: 1) Wajib. 2) Sunat. 3) Makruh. 4) Haram. 5) Harus.	8 minit	Dato' Setia Prof. Madya Dr. Anhar Opir
Hukum <i>Wadh'i</i>	Menghuraikan pengertian: 1) Sebab. 2) Syarat. 3) Mani' (Penghalang). 4) Sah. 5) Batal. 6) 'Azimah. 7) Rukhsah.	8 minit	Dr. Syed Shahridzan Syed Mohamed
Penutup	Membicarakan tentang harapan agar dikurniakan kefahaman agama yang bermanfaat.	2 minit	Dato' Setia Prof. Madya Dr. Anhar Opir

Commented [H2]: Memperinci

SESI KEDUA: PEMBELAJARAN TENTANG RUKUN IMAN DAN RUKUN ISLAM

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) **Pemahaman tentang rukun iman:** Peserta akan mempelajari dan menghayati rukun-rukun iman serta perincian ringkas setiap daripadanya.
- b) **Pemahaman tentang rukun Islam:** Peserta akan mempelajari dan menghayati rukun-rukun Islam serta perincian ringkas setiap daripadanya.

2. MASA KURSUS: 35 minit sahaja

3. ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN	SPEAKER
Pendahuluan	Membicarakan tentang hadis Jibril yang datang menyerupai manusia dan mengajarkan tentang agama.	3 minit	Dato' Setia Prof. Madya Dr. Anhar Opir
Pengertian Iman	Menerangkan maksud iman secara bahasa dan istilah.	3 minit	Dr. Syed Shahridzan Syed Mohamed
Rukun Iman Bahagian 1	Menghuraikan rukun iman: 1) Percaya kepada Allah SWT. 2) Percaya kepada Malaikat. 3) Percaya kepada Kitab.	6 minit	Dato' Badli Shah Alauddin
Rukun Iman Bahagian 2	Menghuraikan rukun iman: 4) Percaya kepada Rasul. 5) Percaya kepada hari kiamat. 6) Percaya kepada qadak dan qadar.	6 minit	Dato' Setia Prof. Madya Dr. Anhar Opir
Pengertian Islam	Menerangkan maksud Islam secara bahasa dan istilah.	3 minit	Dato' Badli Shah Alauddin
Rukun Islam Bahagian 1	Menghuraikan rukun Islam: 1) Mengucap dua kalimah syahadah. 2) Mendirikan solat fardu lima	7 minit	Dr. Syed Shahridzan Syed Mohamed

	waktu. 3) Menunaikan zakat.		
Rukun Islam Bahagian 2	Menghuraikan rukun Islam: 1) Berpuasa pada bulan Ramadan. 2) Menunaikan haji bagi yang berkemampuan.	5 minit	Dato' Badli Shah Alauddin
Penutup	Bicarakan tentang kesimpulan hadis Jibril AS.	2 minit	Dr. Syed Shahridzan Syed Mohamed

SESI KETIGA: PEMBELAJARAN TENTANG ASAS BERSUCI

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) **Pengenalan tentang bersuci:** Peserta akan belajar secara ringkas tentang maksud asas bersuci serta berusaha untuk menghayatinya dalam kehidupan.
- b) **Pembelajaran tentang jenis-jenis air:** Peserta akan didedahkan dengan jenis-jenis air dan keterangan setiap satu daripadanya dari sudut kesucian dan lain-lain.
- c) **Pemahaman tentang pembahagian najis:** Peserta akan mengetahui jenis-jenis najis sebagaimana yang dihuraikan oleh para ulama berserta keterangan dan cara bersuci daripada najis secara teori.
- d) **Pembelajaran tentang darah wanita:** Peserta akan mempelajari jenis-jenis darah wanita berserta keterangan, tempoh dan hukum secara ringkas.
- e) **Pembelajaran tentang mandi wajib:** Peserta akan memahami asas-asas mandi wajib yang penting secara ringkas.
- f) **Pembelajaran tentang wuduk:** Peserta akan mengetahui beberapa perbincangan asas tentang hukum-hakam berwuduk.
- g) **Pembelajaran tentang tayamum:** Peserta akan didedahkan dengan beberapa aspek penting tentang tayamum.

2. MASA KURSUS: 41 minit sahaja

3. ISI-ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN	SPEAKER
Pendahuluan	Membicarakan tentang hadis Arab Badwi yang kencing di masjid.	3 minit	Dato' Badli Shah Alauddin
Pengertian Bersuci	Membicarakan maksud bersuci dan penghayatannya dalam kehidupan seharian.	2 minit	Dato' Setia Prof. Madya Dr. Anhar Opir

Jenis-jenis Air	Menerangkan jenis-jenis air: 1) Air mutlak. 2) Air mustakmal. 3) Air musyamas. 4) Air Mutanajis.	5 minit	Dato' Badli Shah Alauddin
Pembahagian Najis	Menerangkan jenis-jenis najis: 1) Najis mukhaffafah. 2) Najis mutawassitah. 3) Najis mughallazah.	5 minit	Dato' Setia Prof. Madya Dr. Anhar Opir
Darah Wanita	Memperincikan jenis-jenis darah wanita: 1) Haid. 2) Nifas. 3) Istihadah	5 minit	Dr. Syed Shahridzan Syed Mohamed
Mandi Wajib	Membincangkan tentang mandi wajib dari sudut: 1) Perkara-perkara yang mewajibkan mandi. 2) Rukun-rukun mandi wajib.	5 minit	Dato' Badli Shah Alauddin
Wuduk	Membincangkan tentang wuduk dari sudut: 1) Fardu wuduk. 2) Sunat-sunat wuduk. 2) Perkara-perkara yang membatalkan wuduk.	7 minit	Dr. Syed Shahridzan Syed Mohamed
Tayamum	Menerangkan asas tayamum dari sudut: 1) Sebab-sebab tayamum. 2) Syarat-syarat tayamum. 3) Rukun tayamum. 4) Perkara-perkara yang membatalkan tayamum.	7 minit	Dato' Setia Prof. Madya Dr. Anhar Opir
Penutup	Mengingati bahawa Islam sangat mengambil berat tentang kebersihan.	2 minit	Dr. Syed Shahridzan Syed Mohamed

SESI KEEMPAT: PEMBELAJARAN TENTANG IBADAT SOLAT

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) **Penerangan tentang maksud syarat sah solat:** Peserta akan mempelajari syarat-syarat sah solat secara ringkas untuk memastikan ibadat solat dapat ditunaikan secara sah.
- b) **Pembelajaran tentang rukun solat:** Peserta akan memahami senarai rukun solat yang telah disimpulkan oleh para ulama.
- c) **Pembelajaran tentang perkara-perkara yang membatalkan solat:** Peserta akan mempelajari senarai perkara yang membatalkan solat sekali gus menyedari kepentingannya.
- d) **Penerangan tentang syarat wajib solat Jumaat:** Peserta akan mempelajari kewajipan solat Jumaat berserta syarat-syarat wajibnya.

Commented [H3]: sekali gus

2. MASA KURSUS: 35 minit sahaja

3. ISI-ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN	SPEAKER
Pendahuluan	Membicarakan hadis Muawiyah bin al-Hakam berkenaan Nabi SAW mengajar tentang solat.	3 minit	Dr. Syed Shahridzan Syed Mohamed
Syarat Sah Solat	Membicarakan tentang syarat sah solat, iaitu: 1) Mengetahui masuknya waktu solat dengan yakin. 2) Menghadap kiblat. 3) Menutup aurat. 4) Suci daripada najis. 5) Suci daripada hadas.	5 minit	Dato' Badli Shah Alauddin
Rukun Solat	Memperincikan rukun solat, iaitu: 1) Niat. 2) Takbiratulihram.	10 minit	Dr. Syed Shahridzan Syed Mohamed

	<p>3) Berdiri tegak sekiranya mampu.</p> <p>4) Membaca surah al-Fatihah pada tiap-tiap rakaat.</p> <p>5) Rukuk dengan tamakninah.</p> <p>6) Iktidal dengan tamakninah.</p> <p>7) Sujud dua kali pada setiap rakaat dengan tamakninah.</p> <p>8) Duduk antara dua sujud dengan tamakninah.</p> <p>9) Duduk tahiyyat akhir.</p> <p>10) Membaca tahiyyat akhir.</p> <p>11) Membaca selawat ke atas Nabi pada tasyahud akhir.</p> <p>12) Membaca salam yang pertama.</p> <p>13) Tertib.</p>			
Perkara-perkara yang Membatalkan Solat	<p>Menerangkan tentang perkara-perkara yang membatalkan solat, iaitu:</p> <p>1) Berkata-kata dengan sengaja.</p> <p>2) Menambah atau mengurangkan rukun solat.</p> <p>3) Berhadas.</p> <p>4) Najis yang tidak dimaafkan.</p> <p>5) Aurat terbuka.</p> <p>6) Membelakangkan kiblat.</p> <p>7) Mengubah niat.</p> <p>8) Makan.</p> <p>9) Minum.</p> <p>10) Bersuara selain bacaan solat.</p> <p>11) Murtad.</p>	10 minit	Dato' Setia Prof. Madya Dr. Anhar Opir	
Syarat	Wajib	Menghuraikan kewajipan	5 minit	Dato' Badli Shah Alauddin

Solat Jumaat	<p>solat Jumaat dan syarat-syarat wajib solat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Islam. 2) Baligh. 3) Berakal. 4) Merdeka. 5) Lelaki. 6) Sihat. 7) Bermastautin. 		
Penutup	<p>Meneckankan kepentingan solat sebagai perkara pertama yang dihitung dan kunci kejayaan orang-orang yang beriman.</p>	2 minit	Dato' Setia Prof. Madya Dr. Anhar Opir

SESI KELIMA: PEMBELAJARAN TENTANG IBADAT PUASA DAN ZAKAT

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) **Pembelajaran tentang rukun-rukun puasa:** Peserta akan mempelajari rukun-rukun puasa berserta keterangannya.
- b) **Pembelajaran tentang perkara-perkara yang membatalkan puasa:** Peserta akan memahami dan mempelajari senarai perkara yang membatalkan puasa.
- c) **Pembelajaran tentang jenis-jenis zakat:** Peserta akan mengenali jenis-jenis zakat yang diwajibkan oleh agama Islam secara umum.
- d) **Pembelajaran tentang zakat fitrah:** Peserta akan mempelajari zakat fitrah berserta waktu, hukum dan kadarnya.
- e) **Pembelajaran tentang zakat harta:** Peserta akan memahami tentang perincian zakat harta dan jenis-jenis yang ada.
- f) **Pembelajaran tentang golongan yang layak menerima zakat:** Peserta akan mengetahui senarai golongan yang layak menerima zakat berserta keterangannya.

2. MASA KURSUS: 37 minit sahaja

3. ISI-ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN	SPEAKER
Pendahuluan	Membicarakan tentang pengenalan puasa dan zakat yang akan dibahaskan dalam sesi ini.	3 minit	Dato' Setia Prof. Madya Dr. Anhar Opir
Pengertian Puasa dan Rukun-rukun Puasa	Menerangkan pengertian puasa berserta rukun-rukun puasa, iaitu: 1) Orang yang berpuasa. 2) Niat. 3) Menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa mulai terbit fajar sehingga terbenam matahari.	5 minit	Dato' Badli Shah Alauddin

Perkara-perkara yang Membatalkan Puasa	Menerangkan: 1) Makan atau minum dengan sengaja. 2) Memasukkan sesuatu benda ke dalam rongga yang terbuka dengan sengaja. 3) Muntah dengan sengaja. 4) Keluar haid dan nifas. 5) Gila. 6) Murtad. 7) Mengeluarkan mani dengan sengaja. 8) Bersetubuh.	10 minit	Dr. Syed Shahridzan Syed Mohamed
Pengertian Zakat dan Jenis-jenis Zakat	Menerangkan pengertian zakat dan jenis-jenisnya: 1) Zakat fitrah. 2) Zakat harta.	2 minit	Dato' Setia Prof. Madya Dr. Anhar Opir
Zakat Fitrah: Waktu, Hukum dan Kadar	Membincarakan tentang waktu dan hukum membayar zakat fitrah serta kadarnya.	5 minit	Dato' Badli Shah Alauddin
Zakat Harta dan Jenis-jenisnya	Membincangkan jenis-jenis zakat harta.	5 minit	Dr. Syed Shahridzan Syed Mohamed
Golongan Penerima Zakat	Memperincikan golongan yang layak menerima zakat.	5 minit	Dato' Setia Prof. Madya Dr. Anhar Opir
Penutup	Menerangkan tentang hikmah puasa dan solat yang dapat dicapai.	2 minit	Dato' Badli Shah Alauddin

SESI KEENAM: PEMBELAJARAN TENTANG IBADAT HAJI DAN UMRAH

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) **Pembelajaran tentang pensyariatan dan pengertian haji dan umrah:** Peserta akan mempelajari tentang maksud haji dan umrah serta perbezaan antara kedua-dua ibadat ini.
- b) **Pengetahuan tentang jenis-jenis haji:** Peserta akan mengetahui tiga jenis haji berserta keterangan tentang setiap daripada jenis haji ini.
- c) **Pembelajaran tentang rukun-rukun haji dan umrah:** Peserta akan mempelajari rukun-rukun dalam haji dan umrah dan perbezaan antara kedua-duanya.
- d) **Pemahaman tentang perkara-perkara wajib haji:** Peserta akan mempelajari berkenaan perkara-perkara wajib haji dan keterangannya serta kesan meninggalkannya.
- e) **Pembelajaran tentang tahalul:** Peserta akan mengenali dua jenis tahalul berserta keterangannya.

2. MASA KURSUS: 38 minit sahaja

3. ISI-ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN	SPEAKER
Pendahuluan	Membicarakan peristiwa Rasulullah SAW dan para sahabat yang berangkat untuk menunaikan umrah sebelum termeterainya perjanjian Hudaibiyah.	5 minit	Dr. Syed Shahridzan Syed Mohamed
Pensyariatan dan Pengertian Haji dan Umrah	Menghuraikan pensyariatan serta pengertian haji dan umrah dari sudut bahasa dan istilah termasuklah perbezaan antara haji dan umrah.	10 minit	Dato' Badli Shah Alauddin
Jenis-jenis Haji	Memperincikan tiga jenis haji, iaitu: 1) Haji Ifrad.	5 minit	Dato' Setia Prof. Madya Dr. Anhar Opir

	2) Haji Tamattuk. 3) Haji Qiran.		
Rukun-rukun Haji dan Umrah	Menerangkan rukun-rukun haji dan umrah, iaitu: 1) Memakai ihram berserta niat. 2) Wukuf di Arafah (haji sahaja). 3) Tawaf. 4) Sai. 5) Bercukur. 6) Tertib.	5 minit	Dr. Syed Shahridzan Syed Mohamed
Perkara-perkara Wajib Haji	Menghuraikan perkara-perkara wajib haji, iaitu: 1) Ihram di Miqat. 2) Bermalam di Muzdalifah. 3) Melontar Jamratul 'Aqabah di Mina. 4) Bermalam di Mina. 5) Melontar ketiga-tiga jamrah. 6) Menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang dilarang semasa berihram.	5 minit	Dato' Setia Prof. Madya Dr. Anhar Opir
Tahalul	Menerangkan dua jenis tahalul, iaitu: 1) Tahalul pertama/ <i>Al-Tahallul al-Asghar</i> . 2) Tahalul kedua / <i>Al-Tahallul al-Akbar</i> .	5 minit	Dr. Syed Shahridzan Syed Mohamed
Penutup	Mengetahui dan menghayati hikmah pensyariatan haji	3 minit	Dato' Badli Shah Alauddin